SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial STPM Semester 1 Sejarah Melaka 2021 + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

940/1 STPM 2021

SEJARAH DUNIA (1500-1955)

KERTAS 1
(Dua jam)

UNIT PEPERIKSAAN SMK TINGGI MELAKA
(MALACCA HIGH SCHOOL EXAM DEPARTMENT)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab EMPAT soalan sahaja
Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung ( )
Kertas soalan ini mengandungi 80 markah

TARIKH : 1 / 2 /2021 (Isnin)
MASA : 9.00 –11.00 am (2 jam)

Kertas Soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

1. Bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan masyarakat industri di Jerman pada abad ke19.
(20)

2. Nilaikan peranan pembesar dalam sistem pemerintahan beraja di China pada abad ke-16 hingga abad ke-20.
(20)

3. Bincangkan perkembangan sistem ekonomi feudal di Perancis pada abad ke 16 Masihi,
(20)

4. Bincangkan faktor-faktor kemunculan Zaman Pencerahan di Eropah pada abad ke-18 Masihi. (20)

5. Peluasan kuasa Barat di India telah membawa kepada transformasi sosial, ekonomi dan pendidikan pada abad ke-19. Bincangkan.
(20)

6. Bincangkan penglibatan Amerika Syarikat dan United Kingdom dalam NATO pada abad ke-20 Masihi.
(20)

SKEMA JAWAPAN (SET 1)

1. Bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan masyarakat industri di Jerman pada abad ke19.

Pengenalan

Masyarakat Jerman menjadi masyarakat industri agak lewat berbanding negara-negara Eropah yang lain. Fasa Pertama Revolusi Perindustrian di Eropah menyaksikan England, Perancis dan Belgium muncul sebagai negara-negara perindustrian. Berikutan dengan perkembangan sektor perindustrian di Eropah pada abad ke-19, negeri-negeri Jerman turut mengambil inisiatif memajukan bidang tersebut. Jerman hanya muncul sebagai negara perindustrian pada Fasa Kedua Revolusi Perindustrian. Berikut adalah antara faktor yang membawa kepada perkembangan sektor perindustrian di Jerman.

a) Faktor Penyatuan Jerman.

Pada awal abad ke-19, Jerman adalah sebuah negara pertanian yang berasaskan sistem feudal. Negara Jerman jauh ketinggalan daripada negara-negara perindustrian yang lain seperti Britain, Perancis dan Belgium. Tambahan pula, antara tahun 1830-an hingga 1840-an, negara Jerman masih berpecah belah kepada negari-negeri yang berasingan. Hasil ekonomi Jerman bergantung kepada sektor pertanian. Contohnya, Prusia, Saxony dan lain-lain merupakan pengeluar utama hasil-hasil pertanian seperti ubi kentang, ubi bit dan lain-lain.

Pada dekad 1830-an, perindustrian di Jerman dimulakan dengan pembuatan tekstil secara kecil-kecilan. Perkembangan ekonomi Jerman berlaku antara tahun 1850 hingga 1870 apabila Jerman mengalami revolusi perindustrian.

Berikutan penyatuan negara Jerman pada tahun 1871 dan dasar kerajaan untuk menjadikan masyarakat Jerman sebagai sebuah masyarakat negara perindustrian telah membawa era baru dalam sektor perindustrian. Perkembangan terbaru itu, telah menjadikan sektor perindustrian di Jerman bertambah pesat dan dikenali sebagai Revolusi Perindustrian Kedua. Kerajaan Jerman bukan sahaja menyokong industri berat tetapi juga industri kraftangan dan aktiviti perdagangan.

b) Faktor Dasar Kerajaan Jerman.

Mulai tahun 1867, kerajaan Jerman telah memulakan usaha membangunkan sektor ekonominya. Kerajaan Jerman memberi keutamaan kepada sektor perindustrian dan menjadikannya sebagai salah satu dasarnya. Lombong-lombong arang batu dan besi telah dibuka untuk memajukan sektor perindustrian di Jerman. Jalan-jalan kereta api dibina bagi memudahkan pengangkutan. Kilang-kilang kain dan peralatan elektrik didirikan. Kerajaan Jerman juga mendirikan sekolah dan kolej teknik vokasional bagi melahirkan tenaga mahir.

Usaha membentuk Jerman menjadi negara perindustrian menyebabkan kerajaan mengubal dasar-dasar yang memberi keutamaan kepada sektor perindustrian. Pada tahun 1879, Jerman menamatkan dasar perdagangan bebas dan mengamalkan dasar melindungi industri. Hal ini membantu dalam menambahkan hasil pengeluaran Jerman pada tahun 1872.

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pemerintah Jerman untuk menjaga kebajikan masyarakat industri Jerman. Otto Von Bismarck telah memperkenalkan undang-undang

insuran sosial pada tahun 1883 bagi memastikan para pekerja mendapat perlindungan. Fungsi undang-undang insuran tersebut ialah untuk menjaga kebajikan pekerja semasa ditimpa kemalangan sewaktu bertugas. Undang-undang tersebut menyediakan satu peruntukan keselamatan nasional yang lengkap bagi pekerja kilang menghadapi risiko kehidupan kota iaitu penyakit, kemalangan dan umur tua. Akta-akta bagi mengatasi masalah-masalah tersebut telah diluluskan pada tahun 1883, 1884 dan 1889. Ini bermakna masyarakat industri Jerman dilindungi oleh insuran serta tabung pencen dan sakit. Penggunaan tenaga buruh kanak-kanak cuba dibanteras oleh pihak kerajaan. Pada tahun 1839 satu undang-undang telah diluluskan; pengambilan buruh kanak-kanak bawah 9 tahun dan menghadkan masa kerja kanak-kanak kepada 10 jam.

c) Faktor Tenaga Buruh.

Pada abad ke-19, penduduk di Jerman bertambah dan mengatasi penduduk Britain. Penduduk Jerman meningkat dari 23 juta orang kepada 56 juta orang, berbanding Britain dari 10 juta kepada 37 juta orang dan Perancis yang bertambah dari 27 juta kepada 39 juta orang.

Dengan itu, Jerman mempunyai penduduk yang paling ramai di Eropah. Masyarakat industri Jerman menyediakan sumber manusia yang besar kepada sektor perindustrian. Mereka merupakan tenaga mahir yang mendapat pendidikan dari sekolah-sekolah pertukangan, teknik dan vokasional.

Tenaga mahir disalurkan ke kilang-kilang bagi mengendalikan jentera-jentera di kilang-kilang. Mereka merupakan tulang belakang kepada industri elektrik, kimia, petroleum, kenderaan, tekstil dan lain-lain.

d) Faktor Kekayaan Bahan Mentah.

Masyarakat industri Jerman turut muncul dengan adanya sumber bahan mentah yang banyak. Contohnya, pengeluaran bijih besi di Saxony dan Silesia yang berjumlah 1.5 juta tan pada tahun 1871 dan meningkat kepada 8.5 juta tan pada tahun 1900.

Ini membolehkan industrialis seperti Alferd Krupp menjadi pengusaha barangan besi yang terkemuka di dunia. Syarikat Krupp telah mengeluarkan barangan besi dan kelui yang berkualiti tinggi.Pada tahun 1913, eksport besi dan keluli Jerman bernilai 100 juta pound sterling.

Selain itu, Jerman juga kaya dengan sumber arang batu terutamanya di kawasan Lembah Rhine serta Alsace dan Lorraine. Kawasan-kawasan yang kaya dengan bahan mentah ini menjadi tumpuan pengusaha kilang untuk mendirikan perindustrian mereka.

e) Faktor Peranan Institusi Kewangan Modal.

Kemunculan institusi perbankan memainkan peranan yang penting dalam kemunculan dan perkembangan masyarakat industri Jerman. Perkembangan sistem perbankan di Jerman menggalakkan pertumbuhan perdagangan dan perniagaan. Pada tahun 1840-an, Bank of Prusia berfungsi sebagai “joint stock” dalam pengeluaran kredit dan menyediakan pelaburan kapital. Sistem perbankan di Jerman dikawal oleh D Bank iaitu penggabungan beberapa buah bank utama yang terdiri daripada Disconto Gesellschaft of Stuttgard, Deutsche Bank, Darmstadter Bank dan Dresdener Bank. Dengan bantuan dan peranan bank memberi bantuan modal mempercepatkan perkembangan industri di Jerman sekitar tahun 1870-an. Hal ini

2. Nilaikan peranan pembesar dalam sistem pemerintahan beraja di China pada abad ke-16 hingga abad ke-20.

A. Pengenalan

1. Sistem pembesar telah diamalkan di China semasa Dinasti Ming (1368 – 1644) dan semasa Dinasti Ching (1644 - 1911 . Dinasti-dinasti tersebut ini telah mengasaskan empayar yang luas dan berjaya menyatukan seluruh empayar China di bawah satu pemerintahan pusat.
2. Pembesar ialah pegawai-pegawai yang dilantik oleh maharaja untuk membantunya dalam urusan pentadbiran sama ada di peringkat pusat, wilayah dan daerah. Mereka mesti lulus dalam Peperiksaan Perkhidmatan Awam.
3. Pembesar di China terbahagi kepada 3 peringkat iaitu di peringkat pusat, wilayah dan daerah serta berperanan dari segi politik, ekonomi dan sosial

B. ISI

1. Peranan Pembesar di Peringkat Pusat
- Terdiri daripada beberapa peringkat
i. Sekretariat Agung
-Terdiri daripada 3 hingga 6 orang setiausaha agung yang dipilih oleh maharaja China.
Tugas Sekretariat Agung:
a) bantu maharaja menyelia dan menyelaras 6 badan kementerian dalam pentadbiran pusat.
b) Memaklumkan kepada maharaja segala perjalanan dalam 6 badan kementerian.

ii. Majlis Tertinggi
- Majlis ini menjadi badan penasihat yang penting kepada raja atau maharaja. Ciri-ciri Majlis Tertinggi ialah :
a. Dibahagikan kepada enam kementerian.
b.Setiap kementerian akan dikawal oleh seorang pegawai kanan atau Shangschu. Sangschu akan dibantu oleh beberapa pegawai rendah dalam setiap urusan berdasarkan kementerian
c.Enam kementerian tersebut ialah Kementerian Personal atau Ministry of Personal terdiri daripada Lembaga Personal, Lembaga Kewangan, Lembaga Adat, Lembaga Perang, Lembaga Hukuman, dan Lembaga Kerja-kerja Awam. Terdapat 4 jabatan utama yang bert/jawab terhadap pelantikan, penganugerahan, rekod perkhidmatan dan penilaian prestasi.
d.Kementerian Kewangan terdiri daripada 13 orang pegawai dan setiap orang dipertanggungjawabkan untuk mengawal salah satu daripada 13 provinsi dan mewakili 4 bahagian yang khusus, iaitu penduduk, akaun awam, akaun khusus, dan akaun pertanian atau tanaman. Kementerian ini menyimpan kewangan negara, memastikan kekayaan maharaja, serta menguruskan perbelanjaan negara dengan baik.
e. Kementerian Adat dibahagikan kepada 4 jabatan yang bertanggungjawab kepada adat istiadat, pengorbanan, penerimaan tetamu, dan barangan. Kementerian ini juga menguruskan hal ehwal agama Buddha dan Taoisme. Anggotanya terdiri daripada golongan cendekiawan. Kementerian ini turut mengendalikan Sistem Peperiksaan Kerajaan dan melaporkan kepada maharaja sama ada pelajar tersebut layak memegang jawatan atau tidak.
f. Kementerian Perang mempunyai 4 jabatan yang bertanggungjawab terhadap pelantikan pegawai, pengawasan operasi, peralatan, dan pembekalan kelengkapan tentera. Oleh yang demikian, kalangan ketua-ketua tentera sering mendapat tempat istimewa dalam kerajaan.

g. Kementerian Keadilan terbahagi kepada 13 jabatan berasaskan prinsip satu di setiap provin

3. Bincangkan perkembangan sistem ekonomi feudal di Perancis pada abad ke 16 Masihi,

PENGENALAN
- pada abad ke-16, Perancis telah amalkan ekonomi feudalisme
- ekonomi feudalisme di Perancis bermaksud petani bekerja dan menjadi tentera kepada bangsawan dan sebagai balasan mereka dibenarkan tinggal dan bertani
- ini bermaksud kehidupan petani terikat kepada golongan bangsawan atau tuan tanah
- ekonomi feudalisme di Perancis meliputi pertanian, perdagangan dan perindustrian

PERTANIAN
- diamalkan masyarakat desa sejak abad ke-16
- petani terikat dengan sistem "manor" iaitu petani dibenarkan tinggal di tanah tuan tanah dan sebagai balasan petani mengusahakan tanah, bekalkan kayu api, bina jalan & membayar cukai kepada tuan tanah/bangsawan. Kaedah "open field"
- pertanian mula meningkat di Selatan Perancis ekoran tindakan tuan tanah menyewa tanah mereka untuk petani
- Petani tidak lagi menjadi "serf" atau hamba sebaliknya menjadi penyewa tanah yang bebas
- Selain kegiatan pertanian,mereka turut menternak lembu daging dan lembu susu

GALAKAN PEMERINTAH
- perkembangan pertanian didorong oleh galakan pemerintah

a) Raja Henry IV1598- 1610 arahkan Menteri Ekonominya Duke Sully memajukan pertanian
Antara langkah2 beliau – hapuskan cara lama petani, bekalkan biji benih percuma, larangan musnahkan hutan, kemudahan pengangkutan jalan raya, jambatan dan terusan
Kesannya – Perancis menjadi pengeluar bijirin dan anggur merah utama
Tanaman malberi dan ternakan ulat sutera turut diusahakan dan membawa peningkatan pendapatan petani dan perkembangan bandar2 seperti Paris, Lyones dan Marseilles

b) Semasa Raja Louis XIV kemajuan pertanian turut dijalankan melalui Menteri Ekonominya
Antara langkah2 beliau – peralatan petani tidak boleh dirampas, galakkan penternakan lembu dan kuda , baiki jalna raya & membina terusan
Kaedah pembiakan ternakan turut dijalankan di Perancis seperti skala yang besar, lebih produktif, padang rumput diaktakan
Kesannya- peningkatan pengeluaran ternakan lembu & mendapat permintaan tinggi di Eropa

PERDAGANGAN

a) Raja Henry IV (1598- 1610) – menubuhkan tentera laut
Beliau mendapat inspirasi penjelajahan kuasa Portugal & Sepanyol lalu meluaskan tanah jajahan dan perdagangan di seberang laut
Kawasan tumpuan ialah Amerika Utara dan India
Kesannya – bandar2 perdagangan muncul di Perancis seperti Lyons, Champagne

b) Beberapa pembaharuan – gudang senjata di Toulan
Pelabuhan,bina kapal di Havre, melengkapkan tentera laut, galakkan migrasi golongan professional dan meyakinkan raja untuk berperang dan meluaskan empayar

iv. Revolusi ini melahirkan tokoh-tokoh saintis terkenal seperti Francis Bacon, Rene Descartes, Baruch Spinoza, John Locke dan Isaac Newton.
v. Idea tokoh-tokoh ini telah tersebar secara meluas pada zaman tersebut dan menjadi ciri-ciri dominan dalam tamadun Eropah mulai abad ke-17-20.

e. Kegiatan penerokaan dan penjajahan.
i. Golongan kelas pertengahan bukan sahaja berpengetahuan , malah peka terhadap perkembangan sekeliling.
ii. Keinginan untuk memperoleh idea dan maklumat menyebabkan golongan ini belayar dan menjelajah ke luar. Contohnya Columbus, Ferdinand Magellan dan Francis Drake.
iii. Pengetahuan tentang penduduk dan budaya asing telah membawa perspektif baharu tentang konsep manusia sejagat kepada mereka. Dengan ini, segala prasangka terhadap budaya asing terhakis dan cara pemikiran baharu yang berasaskan empiris dan sebab-musabab pun bermula.

f. Kemunculan kelas pertengahan.
i.Kemunculan kelas pertengahan turut mempengaruhi perkembangan zaman pencerahan.
ii. Jumlah golongan terpelajar dan professional meningkat berbanding zaman sebelumnya.
iii. Bilangan surat khabar dan majalah yang diterbitkan juga bertambah.
iv. Terdapat permintaan yang tinggi untuk kamus, ensiklopedia dan kajian ke atas semua jenis ilmu pengetahuan.

C.Kesimpulan
1. Berasaskan faktor – faktor ini telah menjadikan Eropah sebagai tempat munculnya idea-idea baharu.
2. Perkembangan ini telah berjaya meletakkan asas bagi kelahiran zaman Pencerahan di Eropah pada abad ke 18 dan mempengaruhi perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat di Eropah.

Catatan Guru
Calon dapat mengemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculan zaman pencerahan di Eropah

6. Bincangkan penglibatan Amerika Syarikat dan United Kingdom dalam NATO pada abad ke-20 Masihi.

PENGENALAN
- Amerika Syarikat dan United Kingdom merupakan 2 kuasa besar yang menerajui NATO
- NATO atau North Atlantic Treaty Organizations merupakan pakatan ketenteraan yang ditubuhkan berdasarkan Perjanjian Atlantik pada 4/4/1949
- pada peringkat awal NATO dianggotai oleh 12 negara seperti Amerika Syarikat, Belgium, Canada, Portugal UK, Perancis, , Luxembourg dll
- ibu pejabat NATO asal ialah Brussels, Belgium diikuti Paris, Perancis sehingga 1966
- matlamat utama NATO ialah menghalang kebangkitan semula kuasa Jerman di Eropah,
- matlamat lain ialah membendung mengekang perluasan ideologi komunis dan ketenteraan Soviet Union di Eropah
- ahli2 NATO bersetuju untuk bekerjasama dari segi ketenteraan jika salah satu negara disera

PERANAN UK DALAM NATO

1. PENGASASAN / PEMBENTUKAN NATO
- UK peranan penting dalam proses penubuhan NATO
- buktinya dapat dilihat pada koleksi peribadi Setiausaha Luar Britain iaitu Ernest Bevin dan dokumen oleh Foreign Office, United Kingdom
- dokumen2 tersebut mengandungi strategi penubuhan NATO dengan mengetengahkan/menonjolkan peranan AS sungguhpun UK ialah “key player”
- UK sedar perlunya penglibatan Amerika Syarikat dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa kerana tanpa penyertaan AS pertubuhan tersebut akan lemah dan gagal seperti Liga Bangsa

2. MELIBATKAN AMERIKA SYARIKAT DALAM NATO
- UK yang diterajui Parti Buruh menyusun pelbagai strategi bagi memastikan NATO disertai Amerika Syarikat
- Setiausaha Luar Britain iaitu Ernest Bevin dipertanggungjawab “educating the americans” bagi menghadapi ancaman Soviet Union di Eropah selepas Perang Dunia 2
- Presiden AS iaitu Harry S. Truman masih belum bersedia menghadapi ancaman Soviet
- ekoran itu, UK membuat perancangan jangka panjang melibatkan Amerika Syarikat dalam NATO

PERANAN AMERIKA SYARIKAT DALAM NATO

1. PERTAHANAN & KESELAMATAN EROPAH BARAT
- tujuan asal penubuhan NATO ialah menghalang kebangkitan semula kuasa Jerman di Eropa
- bahkan Amerika Syarikat turut dilibatkan bersama untuk mengukuhkan pertahanan
- ia juga bertujuan menghalang perkembangan ideologi komunisme di Eropah Barat dan ketenteraan Soviet Union
- ia juga mahu meyakinkan ahli2 PBB untuk mengatasi sebarang konflik antarabangsa
- NATO ingin membendung pengaruh komunis yang diterajui oleh Soviet Union ke atas negara-negara Eropah Timur
- oleh itu NATO telah mengesahkan kehadiran tentera Amerika Syarikat dan Britain selepas tahun 1945 di Eropah terutamanya di Jerman dan Turki supaya komunisme yang diarah dari Moscow dapat disekat dengan berkesan.
  Tambahan pula pada tahun 1949 Soviet telah meletupkan bom atomnya yang pertama.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar